



17 APR, 2022

KPKT, MoF lancar i-Biaya memudahkan pembiayaan perumahan

Mingguan Sarawak, Malaysia



KPKT, MoF lancar i-Biaya memudahkan pembiayaan perumahan

PETALING JAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Kewangan (MoF) melancarkan inisiatif i-Biaya dalam usaha kerajaan memudahkan pembiayaan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah M40 dan B40.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata selari dengan matlamat Satu Keluarga, Satu Rumah, inisiatif i-Biaya merupakan satu langkah integrasi menyatukan semua inisiatif di bawah satu bumbung.

"KPKT melaksanakan inisiatif ini berpaksaan ketersediaan rumah mampu milik di lokasi-lokasi strategik, kemampuan pembeli di mana KPKT menerima nasihat daripada pelbagai pemegang taruh termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) serta (meneliti) kemudahan pembiayaan untuk B40 dan M40," katanya pada Majlis Pelancaran i-Biaya di sini. Tiga inisiatif ditawarkan di

bawah i-Biaya ialah penambah-baikannya kepada skim sedia ada iaitu Skim Jaminan Kredit Perumahan yang ditawarkan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) Bhd dengan peruntukan RM3 bilion, Skim Rumah Pertamaku (SRP) oleh Cagamas SRP Bhd (Cagamas) dan Skim PR1MA 'Rent-to-Own' oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA RTO).

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, MoF komited terus menyokong dengan membuka akses kepada pembiayaan terutama bagi golongan B40 dan M40 yang menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan dalam usaha mereka memiliki rumah sendiri.

"Bagi SRP, ia dijangka memberi manfaat kepada 25,000 pemohon dalam kalangan B40 dan M40, dengan anggaran nilai pembiayaan sebanyak RM5.9 bilion.

"Antara faktor penyumbang kepada sasaran ini ialah komitmen kerajaan melalui inisiatif Jamin Kerja menyasarkan 600,000 peluang pekerjaan, dengan peruntukan berjumlah RM4.8 bilion," katanya.

Beliau berkata, menerusi fokus kepada peluang pekerjaan serta peningkatan kemahiran dalam kalangan B40 dan M40 termasuk golongan belia, peingkatan pendapatan diperolehi akan membolehkan mereka memanfaatkan

LANCAR INISIATIF... Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican bersama tetamu kehormat yang lain pada Majlis Pelancaran i-Biaya baru-baru ini.

pelbagai skim pemilihan kediaman melalui i-Biaya.

Skim pembiayaan SRP akan membuka peluang pembiayaan kepada mereka yang mempunyai pendapatan RM10,000 ke bawah untuk kediaman bernilai sehingga RM500,000.

Selain itu, peluasan jaminan Skim Jaminan Kredit Perumahan juga akan membolehkan mereka yang tidak mempunyai penyata gaji atau dokumen sewajarnya terutama mereka terlibat dalam ekonomi gig, memohon pembiayaan perumahan.

Selain itu, skim PR1MA RTO pula akan membolehkan mereka yang berminat untuk menyewa dan kemudiannya membeli mengikut harga telah ditetapkan pada tahun keenam, melalui pembiayaan oleh Maybank.

- Bernama



17 APR, 2022

KPKT, MoF lancar i-Biaya memudahkan pembiayaan perumahan

Mingguan Sarawak, Malaysia

SUMMARIES

PETALING JAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Kewangan (MoF) melancarkan inisiatif i-Biaya dalam usaha kerajaan memudahkan pembiayaan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah M40 dan B40. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata selari dengan matlamat Satu Keluarga, Satu Rumah, inisiatif i-Biaya merupakan satu langkah integrasi menyatukan semua inisiatif di bawah satu bumbung.